



LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA

(LAND SURVEYORS BOARD)

[Ditubuhkan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen, 1958 (Disemak 1991) - Akta 458]

RUJUKAN TUAN:

RUJUKAN KAMI: **LJT 6 JLD.9 / (6)**

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7 WISMA LJT
LORONG PERAK
PUSAT BANDAR MELAWATI
53100 KUALA LUMPUR
No. Telefon: 03-41085191
No. Faksimili: 03-41085178
e-mail: secretary@ljt.org.my
laman web: www.ljt.org.my

15 Julai 2015

Semua Juruukur Tanah Berlesen

YBhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan,

PEKELILING LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA BILANGAN 1 TAHUN 2015

“PINDAAN KEPADA PEKELILING LEMBAGA JURUKUR TANAH AKIBAT DARIPADA KUAT KUASA AKTA HAKMILIK STRATA (PINDAAN) 2013 [AKTA A1450] BERHUBUNG BAYARAN KEMAJUAN KERJA UKURAN HAKMILIK STRATA”

1. TUJUAN

Pekeling ini bertujuan meminda Pekeling Lembaga Jurukur Tanah Bil. 2/2006 bertarikh 13 Disember 2006 tentang bayaran kemajuan 10% maksimum bagi kerja ukuran hakmilik strata dan Pekeling Lembaga Jurukur Tanah Bil. 6/2000 tentang bayaran kemajuan 81% maksimum bagi kerja ukuran hakmilik strata susulan daripada dan selaras dengan pindaan ke atas Akta Hakmilik Strata 1985 (Akta 318).

2. LATAR BELAKANG

2.1 Pekeling Lembaga Jurukur Tanah Bil. 2/2006 telah menetapkan had bayaran kemajuan 10% tertakluk kepada had maksimum RM 200,000.00

bagi kerja ukuran hakmilik strata yang didepositkan kepada Lembaga Jurukur Tanah (LJT). Bayaran ini dibuat oleh LJT selepas fi ukur telah dideposit dan Juruukur Tanah Berlesen (JTB) membuat tuntutan.

- 2.2 Pekeliling Lembaga Jurukur Tanah Bil. 6/2000 pula telah menetapkan peraturan bahawa pembayaran kemajuan 81% maksimum bagi kerja ukuran hakmilik strata boleh dibayar oleh LJT kepada JTB setelah Pelan Akui (Strata) dan lain-lain dokumen kerja yang berkaitan dikemukakan kepada JUPEM Negeri dan pengesahan penerimaan telah diperolehi.
23. Akta Hakmilik Strata 1985 [Akta 318] telah dipinda melalui Akta Hakmilik Strata (Pindaan) 2013 [Akta A1450], berkuat kuasa mulai **1 Jun 2015**. Peruntukan baru dan pindaan melalui Akta A1450 yang berkaitan telah menyebabkan perubahan kepada prosedur kerja ukuran hakmilik strata dimana JTB akan terlibat diperingkat awal dalam penyediaan kiraan unit syer dan pelan cadangan strata sebelum permohonan dikemukakan untuk kelulusan.
- 2.4 Dengan mengambil kira kos operasi kerja yang bertambah pada peringkat awal, didapati had dan kaedah bayaran kemajuan kerja ukuran hakmilik strata yang diguna pakai sekarang adalah tidak lagi bersesuaian dengan keadaan semasa.

3. PROSEDUR PEMBAYARAN

Dengan penguatkuasaan Pekeliling ini ;

- 3.1 Bayaran 10% akan dibuat berdasarkan jumlah fi ukur yang diterima tanpa had maksimum.
- 3.2 Bayaran kemajuan 50% (maksimum 60% sekiranya bayaran 10% tidak dituntut sebelumnya) akan dibuat oleh LJT bagi kerja yang mana Sijil

Cadangan Pelan Strata (Certificate of Proposed Strata Plan) dikeluarkan oleh JUPEM Negeri. Oleh yang demikian, JTB dikehendaki mengemukakan borang tuntutan bersama salinan Sijil Cadangan Pelan Strata dan Pelan Strata dalam bentuk softcopy dalam cakera padat serta salinan pelan strata yang diluluskan semasa membuat tuntutan bayaran kemajuan 60% maksimum kepada LJT.

- 3.3 Baki bayaran sebanyak 38% akan dibuat setelah Pelan Akui (Strata) diluluskan oleh Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri.

4. PELAKSANAAN

Pemakaian pekeliling ini adalah bagi kerja ukuran hakmilik strata yang dibuat berdasarkan Akta Hakmilik Strata (Pindaan) 2013 [Akta A1450] selepas pekeliling tersebut dikuatkuasakan.


5. TARIKH BERKUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa bermula pada tarikh Akta Hakmilik Strata (Pindaan) 2013 [Akta A1450] dikuatkuasakan.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,



(DATUK SR AHMAD FAUZI BIN NORDIN; PMW, DPMT, DSAP, JSM, SMZ, KMN)

Pengerusi
Lembaga Jurukur Tanah
Malaysia

Salinan Kepada :

Agihan Dalaman :

Setiausaha
Lembaga Jurukur Tanah
Malaysia

Agihan Luaran :

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia
Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan I
Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan II
Pengarah Ukur Bahagian (Kadaster)

Presiden
Persatuan Juruukur Tanah Bertauliah
Malaysia